



# Mutiara Berita

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak  
(Sarawak Federation of Women's Institutes)



BIL 136 DIS 2017

## Program Larian "Wonder Women" 2017

30 JULAI 2017

**PERKARANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI LAMA, PETRA JAYA, KUCHING**



Program larian yang julung kali diadakan oleh PPWS telah melibatkan lebih kurang 750 orang penyertaan dari orang awam. Majlis telah dirasmikan oleh Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Raghad Kurdi Taib, Penaung PPWS.

Penghargaan terima kasih atas kerjasama Jabatan/Agensi Kerajaan maupun swasta serta badan-badan korporat lain seperti Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan Persekutuan Malaysia, Moma Water, Serapi Garden, Sarawak Energy Berhad, Pure Juices, Lea Centre, Merdeka Palace Hotel, Grand Margherita Hotel, Normah Specialist Hotel, Nestle, UITM Sarawak, Open University Malaysia, Indocate, Revive serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung kepada kejayaan penganjuran Program Larian "Wonder Women" 2017 ini.

Karakter "Wonder Woman" dipilih kerana bersesuaian dengan wanita sebagai pemangkin masyarakat yang kuat dan bersemangat waja. Masyarakat pada hari ini mengiktiraf peranan dan sumbangan wanita dalam pelbagai aspek pembangunan negara iaitu keluarga, masyarakat, ekonomi, politik, pendidikan, kesihatan dan sosial. Wanita di negara ini mampu mendidik generasi muda agar menjadi satu generasi yang memiliki semua ciri-ciri yang diperlukan dalam kehidupan yang mencabar ini khususnya dalam era globalisasi kini.

Objektif penganjuran larian ini ialah:

- Sebagai platform untuk menyalurkan maklumat kepada masyarakat berkenaan Tabung "SFWI Care and Share" yang bertujuan untuk membantu golongan sasaran.
- Mengumpul dana bagi Tabung "SFWI Care and Share" sebagai sumbangan amal tahun 2017 kepada "cancer survivors" seperti Persatuan Kumpulan Sokongan Pink Ribbon Sarawak dan Kumpulan Sokongan Bagi Pesakit Payudara Sarawak.
- Mewujudkan masyarakat yang peka dalam aktiviti dan program amal yang dianjurkan oleh pihak PPWS di samping membentuk komuniti yang mengamalkan gaya hidup yang sihat melalui acara larian yang diadakan.







# Perutusan Pengerusi Negeri

A s s a l a m m u a l a i k u m  
Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera.

Tahniah dan terima kasih  
diucapkan kepada Jawatankuasa  
Kecil Media dan Publisiti ke atas  
penerbitan Mutiara Berita PPWS  
Edisi 136, Disember 2017.

Tahun ini adalah tahun akhir bagi Sesi 2015-2018, saya menerajui Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) sebagai Pengerusi Negeri.

## Pencapaian PPWS

PPWS sebagai sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO), bukanlah satu tanggungjawab yang mudah untuk mengekal kedudukannya sebagai sebuah organisasi wanita yang unggul, terus relevan, berjaya dan berfungsi. Penduduk Negeri Sarawak lebih mengenali PPWS sebagai WI, yang telah menjangkau usia 55 tahun. Pencapaian yang paling ketara adalah pengikliran Kerajaan Negeri dan Persekutuan terhadap PPWS sebagai salah sebuah NGO Wanita.

Kemampuan PPWS dalam mengurus tadbir organisasinya selama ini telah meyakinkan banyak pihak. Sayugialah kepercayaan serta mandat diberi kepada PPWS untuk melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti yang bermatlamat memperkasakan wanita dalam Negeri Sarawak. Sokongan dan penyertaan PPWS bukan hanya kepada golongan wanita, malah memanfaatkan seluruh masyarakat dari peringkat kampung hingga ke bandar.

PPWS juga adalah Ahli Bersekutu atau *Affiliate Member* kepada Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW). PPWS sehingga kini masih mengekalkan statusnya sebagai Ahli Bersekutu yang aktif dan progresif sepanjang 53 tahun, semenjak menyertai ACWW pada tahun 1964.

Sehingga kini PPWS mempunyai seramai lebih kurang 14,488 orang ahli yang berdaftar iaitu 14,295 orang Ahli Biasa, 182 orang Ahli Seumur Hidup dan 11 orang Ahli Bersekutu. Kekuatan PPWS terbina daripada ahli-ahlinya yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa, keturunan, peringkat usia dan latar belakang akademik. Amalan budaya kerjasama dalam kalangan ahli-ahli PPWS daripada pelbagai kategori Jawatankuasa telah mengekalkan semangat kesukarelaan dalam kalangan mereka, demi pembangunan organisasi yang berterusan.

Koperasi Perkumpulan Wanita Sarawak Berhad (KOPERWANIS), bermatlamat meningkatkan bidang ekonomi ahli-ahlinya, telah beroperasi selama 37 tahun. Kemahiran kerja tangan ahli-ahli PPWS telah menggerakkan aktiviti-aktiviti menjana pendapatan bagi ahli-ahli. Selaras dengan pergerakan ekonomi dan polisi ekonomi Kerajaan, KOPERWANIS terus aktif melibatkan ahli-ahlinya mengikuti kursus-kursus kemahiran, motivasi dan pengurusan dalam perniagaan anjuran institusi-institusi Kerajaan.

## Harapan untuk PPWS pada masa akan datang

PPWS akan terus berfungsi sebagai NGO dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada pemerkasaan wanita. Jika wanita maju dan berjaya melalui PPWS, kita yakin PPWS mampu membimbing wanita lain, keluarga serta masyarakat untuk bergerak sama membangunkan Negeri dan Negara.

Program/aktiviti yang telah dilaksanakan di peringkat Negeri sahaja dari bulan Mei 2015 hingga bulan Disember 2017 ialah lebih kurang 55 buah program termasuk program utama yang diadakan seperti Sambutan sempena Ulang Tahun PPWS setiap tahun pada bulan Mei, Program Larian Wonder Women Run 2017, Simposium *Striking the Balance of Development Through NGOs*, Seminar Pemulihan dan Kesejahteraan Warga Emas, kursus-kursus ilmu keusahawanan dan kursus peningkatan dalam pelbagai kemahiran.

PPWS kini dalam proses transformasi beberapa elemen dalam sistem pentadbiran PPWS seperti pengurusan kewangan dan perancangan belanjawan serta pengurusan maklumat dan komunikasi (ICT). Ibu Pejabat dan Pejabat Kawasan seluruh Sarawak juga akan meningkatkan keupayaan teknologi dalam pengurusan pentadbiran PPWS bermula tahun 2018.

Mesyuarat Perwakilan Tiga Tahun PPWS Bagi Sesi 2018-2020 kini sedang beransung di peringkat Kawasan iaitu pada bulan Disember 2017, dan kemudian beransung di peringkat Daerah pada bulan Januari 2018, diikuti di peringkat Kawasan pada bulan Februari 2018 dan terakhir sekali di peringkat Negeri pada bulan Mac 2018.

Saya menyarankan agar pemilihan Ahli Jawatankuasa Kerja di peringkat Negeri, Kawasan, Daerah maupun Cawangan perlu melantik calon yang mempunyai akauntabiliti untuk melaksanakan tugas yang ditentukan secara bertanggungjawab, cekap, beretika serta mematuhi undang-undang dan peraturan dalam Perlembagaan PPWS.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa di peringkat Cawangan, Daerah, Kawasan dan Negeri Bagi Sesi 2018-2020 dan berharap agar kita berusaha untuk meningkatkan prestasi pertubuhan PPWS agar lebih cemerlang untuk sesi yang baru ini.

Tidak dilupakan juga, penghargaan terima kasih serta syabas diucapkan kepada Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa di peringkat Cawangan, Daerah, Kawasan maupun Negeri Bagi Sesi 2015-2018 dan sesi-sesi yang terdahulu atas segala jasa dan usaha yang disumbangkan kepada PPWS sehingga PPWS dapat mengesakan kejayaan sehingga ke hari ini.

Sekian, terima kasih.

**"BIJAK, CEKAP, BERMAKLUMAT"**

**NORJANAH BINTI HAJI RAZALI**  
Pengerusi Negeri PPWS  
Sesi 2015-2018





Aktiviti Pembungkusan Kuih-Muih sempena Program Sumbangsih Kuih Raya 2017 anjuran Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak

3 HINGGA 4 JUN 2017

IBU PEJABAT PPWS, KUCHING



Majlis Perasmian Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Sarawak 2017

26 OGOS 2017

BORNEO CONVENTION CENTRE, KUCHING

PENYAMPAIAN  
ANUGERAH  
TOKOH TOKOH  
WANITA 2017



Seramai lebih kurang seratus empat puluh (140) orang ahli PPWS telah hadir ke Majlis Perasmian Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Sarawak bertemakan "Sarawak Women in Sports". Majlis telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak. PPWS turut menyertai pameran dan mengadakan jualan produk ahli-ahli PPWS sepanjang majlis tersebut berlangsung.





**24 OGOS 2017**

**IBU PEJABAT PPWS, KUCHING**

Penyampaian cenderahati oleh PPWS diwakili Puan Hajah Dayang Mariam Haji Abang Mustapha, Exco PPWS Kawasan Sibul/Sankei/Kapit diperhatikan oleh Puan Salbiah Abdullah, Exco PPWS Kawasan Miri/Bintulu kepada Encik Sunyong, Pegawai dari Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Sarawak



Kakitangan PPWS mendengar dengan teliti taklimat yang disampaikan oleh Pegawai dari Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Sarawak

## Lawatan PPWS Cawangan Kampung Pahlawan, Limbang ke Ibu Pejabat PPWS, Kuching

**28 OGOS 2017**

**IBU PEJABAT PPWS, KUCHING**

Seramai dua puluh lima (25) orang rombongan dari PPWS Cawangan Sungai Pahlawan, Limbang telah pertama kali membuat kunjungan ke Ibu Pejabat PPWS di Kuching. Sesi soal kenal dan perkongsian pengalaman ahli-ahli turut diadakan. Taklimat berkenaan pentadbiran dan pengurusan PPWS telah disampaikan oleh Puan Rhohanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS dengan harapan agar ahli-ahli lebih memahami tentang latar belakang PPWS dan juga didedahkan dengan skop tugas dan tanggungjawab Pengerusi, Ahli Jawatankuasa dan ahli-ahlinya di peringkat Cawangan.



## PROGRAM BERAMBEH IBADAH QURBAN PPWS 1439H/2017

**4 SEPTEMBER 2017**

### Ibu Pejabat PPWS, Kuching

Seramai tiga puluh (30) orang penerima daging korban dari Cawangan-cawangan PPWS di Daerah Kuching telah menghadiri Program Berambek Ibadah Qurban yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Kecil Sosial, Rekreasi dan Kebajikan pada tahun ini. Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato Hajah Norhyati binti Haji Ismail, mewakili Pengerusi Negeri PPWS. Sumbangan turut diterima dari Yang Berhormat Datuk Haji Julaihi bin Haji Narawi, Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak.

Jamuan minum pagi turut disediakan oleh Ahli Jawatankuasa Kecil Sosial, Rekreasi dan Kebajikan secara bergotong-royong.



### Masjid Darulhana, Kampung Patingan Ali, Kuching



Pada masa yang sama, Yang Berhormat Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar turut memberi sumbangan seekor lembu kepada PPWS. Agihan daging telah diagihkan kepada tiga puluh (30) orang ahli-ahli PPWS kurang berkemampuan di Cawangan PPWS Sri Kandi.



## KELAS JAHITAN D' ATHIERAH MAGIC RULER

16 SEPTEMBER 2017  
IBU PEJABAT PPWS, KUCHING



## PROGRAM "SFWI CARE AND SHARE" SEMPENA HARI NATAL 2017

16 DISEMBER 2017  
HOSPITAL UMUM SARAWAK, KUCHING



Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) telah menceriakan seramai 45 orang pesakit-pesakit kanser wanita di Hospital Umum Sarawak sempena perayaan Hari Natal 2017. Sumbangan barangan keperluan harian telah disampaikan kepada pesakit-pesakit tersebut dan sumbangan telah disampaikan oleh Puan Salsiah Abdullah, Exco PPWS Kawasan Miri/Bintulu merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kecil Sosial, Rekreasi dan Kebajikan mewakili Pengerusi Negeri PPWS.

Aktiviti komuniti *outreach* sebegini adalah acara tahunan PPWS melalui Jawatankuasa Kecil Sosial, Rekreasi dan Kebajikan iaitu di bawah Program *SFWI Care and Share*. Program *SFWI Care and Share* telah dirasmikan oleh YABhg. Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib, Penaung PPWS pada bulan Mei 2016 di Miri, Sarawak.

PPWS percaya dengan penganjuran program seperti ini dapat membantu meringankan beban yang ditanggung golongan yang memerlukan selain menggembarakan mereka sempena perayaan Hari Natal yang akan disambut tidak lama lagi.

Dalam tahun ini juga iaitu pada bulan Mei 2017, PPWS turut menyampaikan sumbangan kepada golongan yang memerlukan sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Gawai.

## LAWATAN PPWS DAERAH SARIKEI KE IBU PEJABAT PPWS, KUCHING

11 NOVEMBER 2017



PPWS Daerah Sarikei menyampaikan penghargaan kepada PPWS Daerah Kuching kerana menyelaras program lawatan tersebut.



## Lawatan Exco Negeri ke Lawas

24 NOVEMBER 2017

LAWAS, SARAWAK



YBhg. Kapitan Daisy Chan Siok Choon bersama Puan Jamilah Haji Pangkat, Pengerusi PPWS Kawasan Limbang/Lawas serta Ahli Jawatankuasa PPWS Daerah Lawas di Pejabat PPWS, Lawas



Lawatan ke Perusahaan Ikan Bilis di Kampung Punang, Lawas

## TAKLIMAT SETIAUSAHA EKSEKUTIF PPWS BERKENAAN PENGURUSAN PPWS DI PERINGKAT CAWANGAN DAN DAERAH

22 NOVEMBER 2017, MIRI



25 NOVEMBER 2017, LIMBANG



30 NOVEMBER 2017, KUCHING





## Seminar Pemulihan dan Kesejahteraan Warga Emas anjuran PPWS dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Objektif seminar:

1. Meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan sikap tentang kesihatan dalam kalangan warga emas, penjaga dan komuniti.
2. Memberi latihan kepada ahli-ahli PPWS/penjaga pengetahuan dan kemahiran mengendali warga emas.
3. Untuk menanam sikap penyayang dalam diri setiap individu khususnya kepada golongan warga emas.

### 25 NOVEMBER 2017, LIMBANG



▲ Cenderahati penghargaan terima kasih kepada YB Dr Abdul Rahman bin Haji Ismail, Menteri Muda Pertanian merangkap ADUN N.79 Bukit Kota menyempurnakan Majlis Penutupan Seminar



▲ Kehadiran ahli PPWS dari Limbang dan Lawas seramai lebih kurang 50 orang

### 9 DISEMBER 2017, SIBU



▲ Encik Alitaha Ayang, Pegawai Pembangunan Masyarakat telah membentangkan topik Kepentingan Warga Emas dalam Masyarakat dan Memupuk Budaya Sayangkan Warga Emas



▲ Penyampaian sijil penyertaan kepada peserta seminar yang diwakili oleh Puan Ummu Hani binti Junaidi, Pengerusi PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit



## Aktiviti PPWS Cawangan Kampung Skuduk



▲ Cawangan ini menyediakan catering sempena Mesyuarat Persatuan Asar Pinyawa di Dewan Serin, Kampung Skuduk.

## Aktiviti PPWS Cawangan Kampung Hilir, Serian



▲ PPWS Cawangan Kampung Hilir, Serian mengadakan lawatan sambil belajar di Kampung Pasir Pandak dan Kampung Buntal, Kuching.

▶ PPWS Cawangan Kampung Hilir, Serian menubuhkan kumpulan zikir dalam kalangan ahli mereka dan sering diundang ke majlis perkahwinan



## Aktiviti PPWS Cawangan Sebernan, Serian

18 Oktober 2017



▲ Lawatan ke Kampung Budaya Sarawak yang disertai oleh seramai 52 orang ahli. ▲

## Program Ikatn Mesra Wanita PPWS Cawangan Sri Sebuyau, Sebuyau

▶ Yang Berusaha Tuan Haji Sapri bin Abdul Karim, Pegawai Khas Parlimen P201 Batang Lupar merangkap Pegawai Penyelaras DUN Sebuyau telah menyampaikan hadiah kepada peserta yang memenangi kategori yang dipertandingkan dalam program tersebut. Antara aktiviti yang diadakan ialah Menganyam Ketupat, Baling Belon Air, Pancing Botol, Bawa Bola Ping Pong Dalam Sudu, Tarik Tall, Jalan King Kong, Karaoke, Pertandingan Masakan Dan Poco-Poco. Program ini telah disertai oleh 20 buah Cawangan di dalam PPWS Daerah Sebuyau.





## Kelas Talam Dan Bingka anjuran PPWS Daerah Kuching 9 Disember 2017



◀ Seramai 17 orang ahli PPWS Daerah Kuching mengikuti Kelas Talam Dan Bingka yang diadakan di Bilik Latihan, Aras Bawah, Ibu Pejabat PPWS. Geran program ini telah ditaja oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, Menteri Kerja Raya merangkap Ahli Parlimen P194. Kelas tersebut turut mendapat tajaan tepung dari Sarawak Flour Mill Sdn Bhd.

▶ Puan Hamidah Mohamad mengadakan demonstrasi membuat Talam Berlauk dan Bingka Kacang Merah sebelum peserta diberi peluang membuat sendiri kuih tersebut



## Pesta Aneka Cucur Anjuran PPWS Daerah Kuching 30 Disember 2017 Perkarangan Ibu Pejabat PPWS

Sesi bergambar bersama Pengerusi Negeri PPWS, Puan Norjanah Haji Razali (8 dari kiri) dan Exco Kawasan Kuching/Samarahan, Yang Berbahagia Dato Hajah Norhayati Haji Ismail (6 dari kanan).



▶ Peserta Petandingan Pesta Aneka Cucur terdiri daripada 7 kumpulan yang mewakili PPWS Daerah Simunjan, PPWS Cawangan Green, PPWS Cawangan PERGUWANIS, PPWS Cawangan Semarak dan Kampung Lintang.



▶ Senaman Zumba & Poco-Poco diketuai oleh Puan Tasha dari Pendidikan Jasmani Rekreasi Sarawak.



▶ Pemenang Pesta Aneka Cucur, Puan Hajjah Pon dan Puan Salmi Majuki dengan resepi Cucur Durian Jagung & Cucur Jagung Ikan Bilis.





◀ Ketibaan En. Saifudin bin Matsah Setiausaha Politik kepada YB Menteri Dato Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim



◀ Bersedia dalam Kumpulan untuk Sukaneka



▲ Demo Gubahan sayur-sayuran oleh Cik Zuraida Haji Julai, Pengerusi MPWK P.201



Pertandingan Gubahan sayur-sayuran ▲



Penerima-penerima Sumbangan daripada YB Menteri Dato Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim ▲

**Program Iktan Kasih Wanita Bersama Pemimpin**  
18 November 2017



▲ Senaman pagi sebelum sukaneka dimulakan



▲ Aktiviti sukaneka untuk mengiratkan kerjasama dan semangat kekitaan



◀ Ketibaan Tetamu Kehormat En. Saifudin Matsah, Setiausaha Politik kepada YB Menteri Dato Sri Hajah Rohani binti Hj Abdul Karim



▲ Penyampaian hadiah kepada pelajar-pelajar Tadika Kemas untuk Kategori mewarna



◀ Demo membuat 'Ikan Pais' oleh En. Saifudin Matsah mewakili YB Menteri Dato Sri Hajah Rohani Hj. Abdul Karim sebagai tetamu kehormat



▲ Penyampaian hadiah Pertandingan Sepak Takraw Belia-Belia



▲ Penyampaian Cenderahati kepada En. Saifuddin Matsah disampaikan oleh Puan Hajah Frida Abdul Sani, Pengerusi PPWS Kawasan Sri Aman



**Kunjungan Ramah Tamah Aidil Fitri 2017  
anjuran PPWS Cawangan Bandar Baru  
Tanjung Manis, Belawai, Jerijeh dan Rajang  
08 Julai 2017**



**Berita Kawasan**  
Sibu/ Sarikei/ Kapit

**Ramah Tamah Aidil Fitri  
2017 anjuran PPWS  
Kawasan Sibu/ Sarikei/  
Kapit/ Mukah  
09 Julai 2017**



**Ramah Tamah Aidil Fitri Gabungan  
anjuran PPWS Daerah Mukah  
15 Julai 2017**



**Pesta Cucur Daerah Sarikei  
06 Ogos 2017**



**Sumbangan Khairat Kematian Hajah  
Nona Asma anjuran PPWS Cawangan  
Abang Barieng Sibu  
13 Ogos 2017**



**Lawatan Ke Belawai dan Sambutan Hari  
Keluarga Daerah Sarikei  
09 September 2017**



**Sumbangan Kepada Bekas Pengelola  
Puan Amoyah Arbi dari PPWS Kawasan  
Sibu/Sarikei/Kapit dan Daerah Sibu  
23 September 2017**





**Lawatan Ke Brunei dan  
Cawangan PPWS Bekenu Miri**  
21-22 Oktober 2017



**Lawatan ke PPWS  
Sri Aman, Bangunan  
PPWS Ibu Pejabat,  
Serikin, Lundu/  
Sematan dan  
Dewan Undangan  
Negeri Sarawak**  
11-13 November 2017



**Gotong Royong Menghias Sepanduk  
dan menyertai Sambutan Maulidur Rasul**  
30 November 2017



**Senaman sempena Hari Sukan Negara dan  
Gotong Royong Di Surau Darul Islam**  
14 Oktober 2017



**Melawat pesakit di Hospital Sibu**  
24 Oktober 2017



**Majlis Ratip dan Selawat  
Maulidur Rasul**  
17 Disember 2017





18 Oktober 2017 ▶

Dato Ursula Goh, Penasihat PPWS bersama Puan Julianna Haji Sidi, Pengerusi PPWS Kawasan Miri/Bintulu dan Puan Khayati Sulaiman, Pengelola PPWS Kawasan Miri/Bintulu menghadiri majlis yang dianjurkan oleh W.I Negara Brunei Darussalam bertujuan untuk meraikan Ibu Dr Maria Abdul Karim selaku Presiden Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh



20 Oktober 2017 ▶

Majlis Makan Malam bertemakan Malam Tradisional telah diadakan di Hotel Mega, Miri. Majlis telah dihadiri oleh Yang Amat Berbahagia Tun Pehin Sri Haji Abang Muhammad Salahuddin bin Abang Barieng serta isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi (Dr) Hajah Norkiah.



◀ 28 Oktober 2017

Hari Keluarga anjuran PPWS Daerah Lutong

▶ 28 Oktober 2017

Pesta Cucur anjuran PPWS Kawasan Miri/Bintulu telah diadakan di Bangunan PPWS di Miri







Seramai lebih kurang 30 orang ahli PPWS telah mengikuti Program Aktiviti Kesihatan Mingguan yang dianjurkan oleh PPWS Daerah Lawas dengan kerjasama KOSPEN Kampung Ladang Baru. Antara aktiviti yang diadakan ialah senamrobik dan poco-poco.



PPWS Cawangan Punang Laut dan PPWS Cawangan Batu Dua di Daerah Lawas telah membuka gerai jualan sempena Program Satu Daerah Satu Industri anjuran FAMA pada 12 hingga 15 Oktober 2017 di Taman Awam, Lawas.



Seramai 12 orang ahli PPWS di Daerah Lawas telah hadir ke Program Pemeriksaan Pap Smear pada 27 Oktober 2017.



Seramai 20 orang ahli PPWS Daerah Lawas menghadiri Majlis Makan Malam anjuran Yayasan Budaya Sarawak di Hotel Sri Malaysia pada 22 Oktober 2017. Majlis diadakan sempena sambutan Bulan Bahasa Peringkat Negeri 2017.



PPWS Daerah Lawas telah dijemput untuk menyediakan masakan sambal ikan tahai yang dimasak oleh Cik Hajah Noraini binti Arbi sebagai gimik Pelancaran Showcase Dapur SDSA Negeri Sarawak 2017 anjuran FAMA. Program telah diadakan pada 13 Oktober 2017 di Taman Awam Lawas. Majlis telah dirasmikan oleh YB Datuk Hj Mohd Naroden bin Hj Matjais, Menteri Muda e-Dagang, Menteri Muda Keusahawanan dan Pembangunan Perusahaan Kecil & Sederhana Sarawak

## Majlis Makan Tahun Kedayan Perdana 2017 3-5 November 2017

### Objektif Program / Aktiviti

PPWS belajar bekerjasama melancarkan majlis tersebut dengan kerja-kerja gotong-royong.

1. Mengelupis 30 gantang
2. Menyediakan makanan untuk agihan kepada 3,000 orang awam
3. Menyediakan juadah ala Kedayan kepada rombongan VIP di Junjung Kedayan (rumah tradisi kaum Kedayan)



Proses Melap daun dalam junjung Kedayan Kpg Pangi dan dalam Khemah sambil menunggu dadiah masak



Proses Menyediakan Tali dari akar TIGIS dan proses membungkus kelupis



**Mesyuarat PPWS Daerah Lawas**  
10 November 2017



Perbincangan untuk persediaan Program Seminar Pemulihan dan Kesejahteraan Warga Emas serta Majlis Pesta Cucur 2017 berpusat di Pejabat PPWS Limbang

**Lawatan ke Kota Kinabalu**  
11 - 12 November 2017

**Berita Kawasan**  
Limbang / Lawas



Melawat sambil belajar ke  
1. Kilang Keropok Lekor di Kampung Alap2, Tuaran, Sabah  
2. Perusahaan Kuih Cincin Kampung Melugos, Papar, Sabah



**Majlis Sukan Sekolah Rendah**  
14-16 November 2017

Ahli Cawangan Kpg Ladang Baru menyertai program

**Majlis Perasmian & Penutupan Program Promosi Saringan Tuberculosis dalam Komuniti**  
18 November 2017



**Pesta Cucur anjuran PPWS Kawasan Limbang/Lawas**  
26 November 2017



Seramai 30 orang peserta telah menyertai Pertandingan Memasak Cucur sempena Pesta Cucur 2017 anjuran PPWS Kawasan Limbang/Lawas. Program telah mendapat tajaan tepung oleh Sarawak Flour Mill Sdn Bhd.

Puan Hajah Hamimah binti Haji Hasbullah, Naib Pengerusi Negeri PPWS sedang "Menyucur" sambil diperhatikan oleh Tuan Haji Jamalie bin Busri, Pegawai Daerah Limbang serta 2 orang Exco Kawasan Limbang/Lawas iaitu Kapitan Daisy Chan Siok Choon dan Puan Hajah Hanipah Fauziah binti Shaikh Said.



Peserta dari PPWS Cawangan Kampung Bukit Kota Limbang telah menjadi Juara dengan menghasilkan resepi Cucur Kepayang

**Hari Bukit Mas Limbang 2017**  
6 - 8 Oktober 2017



Puan Hajah Azanah Abdullah dan Puan Hajah Rapiyah Ibrahim sedang menghakimi Pertandingan Gubahan Bunga daripada kotak telur dan Pertandingan Masakan Ketam

**Hari Bukit Mas Limbang 2017**  
6 - 8 Oktober 2017



Sambutan Pra Krismas PPWS Cawangan Kampung Batu Danau Limbang telah dirasmikan oleh YB Tuan Haji Hasbi bin Habibollah, Ahli Parlimen P221 Limbang







**Nama Usahawan :** Nasiban Khan binti Habibullah Khan  
**Jenis Perniagaan :** Mengusaha gerai makanan, pengusaha Rumah Inap Desa, kraftangan dan menjual ikan terubok masin  
**Nama Syarikat :** Jannatul Enterprise  
**No. Telefon :** 014-8812963

*Beliau merukan ahli PPWS di Daerah Asajaya. Beliau mula bergiat dalam PPWS sejak tahun 1980. Melalui PPWS, beliau dan ahli-ahli di Daerah Asajaya sering mengadakan lawatan sambil belajar ke perusahaan-perusahaan yang boleh dijadikan contoh untuk menceburi bidang keusahawanan.*

*Sepanjang bergiat dalam PPWS, pertubuhan ini mengajar beliau tidak mudah putus asa, yakin diri dan perlu mempunyai semangat kental. Beliau yakin PPWS ialah platform untuk golongan wanita di Sarawak meningkatkan ilmu mereka dalam pelbagai bidang.*

*Beliau menasihati golongan wanita yang ingin menceburi bidang keusahawanan untuk sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu dan bijaksana dalam membuat keputusan, cekap dan pintar IT. Ilmu tersebut diperlukan oleh setiap orang khususnya wanita yang ingin menjadi usahanita berjaya.*

## Ucapan Takziah

**Allahyarhamah Bayah binti Haji Ahmad**

Dilahirkan pada 28 Februari 1952.

Merupakan Ahli Seumur Hidup PPWS dari Cawangan Gartak, Miri. Beliau adalah merupakan seorang guru. Jawatan terakhir sebelum beliau bersara adalah sebagai Guru Besar di Sekolah Kebangsaan Selanyau, Bekenu. Sebelum itu beliau pernah mengajar di Sekolah Kebangsaan Lambir dan Sekolah Kebangsaan Agama Miri.

Beliau memegang jawatan di peringkat Cawangan, Daerah dan Kawasan. Beberapa jawatan yang pernah disandang beliau dalam PPWS adalah:

Cawangan Gertak : Pengerusi, Setiausaha

Daerah Miri/Lutong : Pengerusi, Setiausaha

Kawasan Miri/Bintulu : Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Naib Pengerusi

Jawatankuasa Keceriaan Bangunan : Pengerusi

Beliau telah menghembuskan nafas terakhir pada 22 Disember 2017.

Semoga rohny dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam golongan yang beriman.



## GERAKAN WANITA ANTI RASUAH (G-WAR) SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) 2018



Logo G-WAR

### 1. PENDAHULUAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengumumkan tahun 2018 adalah tahun memperkasakan wanita dengan mengikut lima kluster iaitu Kluster Wanita dan Kesihatan (Gaya Hidup, Kecantikan dan Sukan), Kluster Wanita dan Keselamatan, Kluster

Wanita dan Ekonomi, Kluster Wanita dan Pendidikan (Latihan dan Pembangunan Kapasiti) dan Kluster Wanita dan Budaya (Kesenian dan Media). Sehubungan itu, SPRM juga menyahut seruan tersebut dalam konteks memerangi rasuah dengan mengumumkan tahun 2018 merupakan Tahun Memerangi Rasuah dari kalangan wanita melalui program yang dikenali sebagai "Gerakan Wanita Anti Rasuah (G-WAR)".

### 2. OBJEKTIF

Menjadikan golongan wanita sebagai penggerak utama kepada budaya membenci rasuah dari semua lapisan masyarakat dan peringkat.

### 3. RASIONAL

Mengikut kajian yang dijalankan, didapati statistik wanita yang terlibat dalam kesalahan rasuah dan salahguna kuasa semakin meningkat. Di samping menyedari wanita yang berperanan selaku tulang belakang kepada golongan lelaki sama ada

mereka selaku isteri atau pekerja mampu memberikan impak yang sangat besar dalam usaha-usaha memerangi rasuah. Peranan wanita dalam memberikan nasihat, didikan dan bimbingan boleh mewujudkan gelombang kesedaran untuk membenci rasuah dari semua lapisan masyarakat.

### 4. KUMPULAN SASAR

Semua golongan wanita mengikut kluster yang ditetapkan oleh Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) iaitu

- Wanita dan Kesihatan (Gaya Hidup, Kecantikan dan Sukan),
- Wanita dan Keselamatan,
- Wanita dan Ekonomi,
- Kluster Wanita dan Pendidikan (Latihan dan Pembangunan Kapasiti) dan
- Kluster Wanita dan Budaya Wanita dan Kesihatan, Wanita dan Keselamatan, Wanita dan Ekonomi

### 5. Logo G-WAR

Dalam Logo G-WAR, SPRM telah memilih simbol mata untuk menyampaikan mesej kepada semua di luar sana, bahawa kaum wanita sedang memerhati perasuah yang akan merimaskan mereka sekaligus mematahkan niat mereka untuk terlibat dalam jenayah tersebut.

Simbol Berlian pula membawa maksud sesuatu yang tajam dan tidak mudah untuk dihancurkan. Begitu jugalah setiap wanita perlu menanam perasaan benci terhadap jenayah rasuah dan salah guna dengan niat untuk membersihkan negara ini daripada anasir jenayah tersebut.

### Pejabat SPRM Sarawak

Pejabat SPRM Sarawak  
Kompleks Pejabat SPRM Sarawak,  
Lot 3894, Jalan Laksamana Cheng Ho,  
Peti Surat 6000, 93350 Kuching, Sarawak.  
Tel : 082-467701 / 082-467702  
Faks : 082-467720 / 082-467712

### Pejabat SPRM Cawangan Sibul

Blok 3, Tingkat 7, Wisma Persekutuan,  
Jalan Periaran Brooke, Peti Surat 6000,  
96008 Sibul, Sarawak  
Tel: 084-311982 / 084-321982  
Faks: 084-320968

### Pejabat SPRM Cawangan Miri

Tingkat 2, Blok A, Fasa 2,  
Bangunan Persekutuan,  
Jalan Cahaya Lopeng,  
Peti Surat 6000, 98008 Miri, Sarawak.  
Tel: 085-415404 / 085-439710  
Faks: 085-414904

### Pejabat SPRM Cawangan Bintulu

Tingkat 2, Wisma Persekutuan Fasa II,  
Jalan Tun Razak, Peti Surat 6000,  
97008 Bintulu, Sarawak.  
Tel: 086-316200  
Faks: 086-316300

### Pejabat SPRM Cawangan Limbang

No. 125, Jalan Fisher,  
98700 Limbang, Sarawak.  
Tel: 085-214107 / 085-214117  
Faks: 085-214151